

**SULIT**

---



Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

**JTW212/JTW213 – Perakaunan Pengurusan**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA (5)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Alat pengiraan elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk tujuan pengiraan.

Pastikan anda menulis angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan peperiksaan dari dewan peperiksaan.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

...2/-

**SULIT**

**SOALAN 1 (25 markah)**

Maklumat berikut dipetik daripada rekod Perniagaan Makanan Khasiat pada 31 Disember 20X8. Syarikat ini terlibat dalam aktiviti pemprosesan makanan berasaskan buah-buahan dalam kotak.

Item	RM
Stok awal – bahan mentah	25,000
Belian – bahan mentah	250,400
Stok akhir – bahan mentah	20,000
Stok awal – kotak pembungkusan	3,000
Belian – kotak pembungkusan	80,000
Stok akhir – kotak pembungkusan	2,500
Gaji pekerja pengeluaran	130,000
Gaji kakitangan pengurusan	200,000
Sewa premis	60,000
Utiliti	4,000
Susut nilai mesin pemprosesan	50,000

**Maklumat Tambahan**

- Penggunaan premis adalah 40% untuk aktiviti pentadbiran dan 60% untuk aktiviti pengeluaran.
- Utiliti adalah 90% untuk aktiviti pengeluaran dan bakinya untuk aktiviti pentadbiran.

Berdasarkan maklumat di atas, sediakan Penyata Kos Perkilangan bagi tahun berakhir 31 Disember 20X8.

(25 markah)

**SOALAN 2 (25 markah)**

Petikan maklumat Penyata Pendapatan Perniagaan Onlinemall bagi tahun 20X8 adalah seperti di bawah:

**Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 20X8**

	RM
Hasil jualan	250,000
(-) Kos barang dijual	87,500
Untung kasar	162,500
Belanja operasi :	
Berubah	50,000
Tetap	35,500
Untung bersih	<u><u>77,000</u></u>

...3/-

Harga jualan seunit ialah RM25, kos berubah seunit dan kos tetap tahunan diandaikan konstan. Kos barang dijual dan belanja operasi berubah adalah berkadar dengan hasil jualan. Hitungkan:

- (a). Nilai jualan dan kuantiti jualan pada Titik Pulang Modal (TPM).
- (b). Nilai jualan dan kuantiti jualan baharu sekiranya perniagaan mahukan untung bersih untuk tahun seterusnya meningkat sebanyak RM35,000.
- (c). Angka keuntungan atau kerugian pada kuantiti jualan sebanyak 12,000 unit.
- (d). Titik Pulang Modal (TPM) yang baharu sekiranya harga jualan seunit meningkat sebanyak 10%.

(25 markah)

**SOALAN 3 (25 markah)**

- (a). Maklumat berikut digunakan oleh Perniagaan GoGlobal untuk menyediakan belanjawan tahun 20X9. Perniagaan ini terlibat dalam penjualan pakaian tempahan khas secara atas talian untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.
  - (i). Kedudukan baki tunai pada 31 Disember 20X8 ialah RM212,000.
  - (ii). Purata unit jualan untuk tahun 20X9 ialah 2,000 sebulan. Unit jualan dijangka bertambah ketika promosi sebanyak 40%. Promosi diadakan pada bulan Februari, Julai dan Disember.
  - (iii). Harga jualan ialah RM150 seunit. Manakala harga promosi ialah diskaun 20%.
  - (iv). Kesemua jualan dilakukan secara tunai.
  - (v). Kos belian seunit ialah RM70. Pembelian dilakukan pada setiap bulan. Unit yang dibeli ialah 10% lebih tinggi daripada sasaran jualan pada bulan akan datang.
  - (vi). Pembelian adalah secara kredit dan dijelaskan mengikut jadual: 10% dibayar pada bulan dibeli, 50% dibayar pada bulan ke-2 dan bakinya dalam bulan ke-3. Semua belian kredit tahun 20X8 telah dijelaskan.

(vii). Kos pentadbiran yang dibayar secara tunai pada setiap bulan adalah

Gaji pekerja	RM 36 500
Utiliti	RM 4 200
Sewa	RM 12 000
Promosi	RM 8 500

Dikehendaki;

- (a). Sediakan belanjawan jualan, belanjawan belian dan belanjawan tunai secara bulanan untuk suku pertama tahun 20X9.

(15 markah)

- (b). Huraikan **EMPAT (4)** faktor yang boleh menjelaskan keberkesanan fungsi belanjawan sebagai alat mengukur prestasi pengurus?

(10 markah)

#### **SOALAN 4 (25 Markah)**

Perniagaan TechPro menjual tiga jenama pakaian sukan berteknologi tinggi iaitu Kukoh, Kuat dan Kekal. Perniagaan telah beroperasi selama 12 tahun dan sebahagian besar daripada pekerja terdiri daripada golongan OKU dan ibu tunggal.

Pihak pengurusan bercadang untuk mengecilkan operasi perniagaan dengan mengeluarkan dua jenama sahaja, manakala satu jenama lagi akan diberi kontrak pengeluaran kepada syarikat Dondong dari negara asing. Produk yang dihasilkan oleh Dondong ini akan dibeli kembali oleh Perniagaan TechPro secara kontrak.

Semua unit pengeluaran diandaikan dapat dijual. Maklumat hasil jualan dan kos berubah setiap bulan untuk setiap jenama adalah seperti di bawah:

	Kukoh	Kuat	Kekal
Jualan (RM)	80,000	40,000	75,000
Jumlah Kos berubah (RM)	30,000	10,000	20,000
Unit Jualan	500	800	750

Jumlah kos tetap yang ditanggung oleh firma ialah RM55,000. Kos tetap ini diandaikan digunakan secara bersama oleh setiap jenama berdasarkan nisbah penggunaan kos berubah.

Sekiranya diberi kontrak, Dondong bersetuju untuk menjual kepada Perniagaan TechPro pada harga seunit seperti berikut;

	Kukoh		Kekal
Harga Jualan (RM)	50	15	25

Dengan melakukan analisis kos, buat keputusan tentang:

- (a). Jenama yang sesuai digugurkan, berikan justifikasi.  
(10 markah)
- (b). Tawaran Syarikat Dondong patut diterima atau tidak, berikan justifikasi.  
(10 markah)
- (c). Pertimbangan faktor kualitatif dalam pembuatan keputusan ini.  
(5 markah)

- oooOooo -